

CNS7730

U GB 16-10 00171 BA341

aab

Persidangan - Mahathir

ISLM HARUS JADI ALTERNATIF BILA SEMUA SISTEM LAIN GAGAL - MAHATHIR

(1)

PETALING JAYA, 16 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata runtuhnya komunisme sebagai alternatif utama kepada ekonomi dunia kapitalis dan orde dunia imperialis dominan yang berpusat di Eropah menyebabkan Islam menjadi alternatif yang berdaya hidup.

Perdana Menteri menegaskan, ini kerana kematian sistem itu tidaklah bererti kemenangan sistem demokratik liberal disertai pasaran bebasnya, kerana terdapat tanda-tanda kemusnahan yang besar.

Bagaimanapun, jika Islam hendak memberikan laluan alternatif bagi umat manusia, ia mestilah membuktikan dirinya sebagai dinamik dan progresif dan mampu memenuhi keperluan rohani dan material manusia.

"Hanya menawarkan pengunduran dari realiti dan variasi hidup tidaklah memadai," kata Dr Mahathir dalam perutusannya pada buku cenderamata di persidangan mengenai globalisme dan umat Islam di Universiti Islam Antarabangsa di sini.

Persidangan dua hari itu, disertai oleh kira-kira 100 orang sarjana dianjurkan oleh universiti itu, dirasmikan oleh Rektor IIU Datuk Dr Abdulhamid Ahmad Abusulayman. -- lagi.

16/10/13-01MST

CNS7740

U GB 16-10 00125 BA342

aab

Persidangan - Mahathir 2 (akhir) Petaling Jaya

Dr Mahathir berkata terpulanglah kepada masyarakat Islam menyahut cabaran itu dan membentuk satu budaya Islam yang sehaluan dengan ajarannya dan seterusnya memenuhi keperluan ekonomi dunia.

Seluruh orde dunia mini komunis, yang ditegakkan kira-kira 70 tahun lampau sebagai cabaran langsung kepada dunia keagamaan dan sebagai reformasi ekonomi kapitalis dunia serta orde politik dunia, sudah runtuh.

Beliau bagaimanapun berkata, dunia Barat mempunyai masalahnya sendiri dan mungkin tidak mampu mengajukan satu model yang berdaya hidup bagi masyarakat manusia lainnya.

Melihat hal ini, Dr Mahathir berkata, umat Islam perlu memahami perubahan agar mampu menghadapi cabaran yang dicetuskan oleh globalisasi yang sedang terbentuk dalam dunia baru yang unipolar. -- Bernama

ZV RS